

Pada waktu pilihan raya gereja tidak menyokong atau mengesahkan mana-mana parti politik atau calon.

Dalam 2 minggu akan datang kita akan melihat aktiviti pra pilihanraya di 6 buah negeri di Semenanjung Malaysia **DAN HARI MENGUNDI ADALAH PADA HARI SABTU 12 Ogos 2023.**

2 minggu ini adalah masa yang penting bagi kita sebagai Warganegara dan sebagai orang yang dibaptis kepunyaan Kristus untuk menjadi "NABI" melalui kehidupan kita sebagai Saksi (pernyataan akhir PMPC II, 1986). Para Nabi menjalankan tugas yang diberikan oleh tuan mereka. Kita mempunyai tugas yang diberikan Tuhan kepada kita yang berkata: "Aku akan menjadi Tuhanmu dan kamu akan menjadi umatKu" (Yer. 7:23).

Kita menjalankan tanggungjawab ini untuk kebaikan kita dan kebaikan negara kita:

1 BERMULA DENGAN LUTUT KITA - untuk berdoa setiap hari agar hari-hari kempen ini adalah hari-hari kejujuran, integriti, keadilan, akauntabiliti, ketelusan, kebenaran dan Keamanan daripada semua pihak. Marilah berdoa di KED, pelayanan, perhimpunan, pada perayaan Ekaristi setiap hari dan Ahad, Jam Suci dan lawatan ke Gereja. Kita perlu berdoa untuk karunia Roh Kudus, kebijaksanaan dan pemahaman untuk arah tujuan. Adalah baik untuk kita berdoa rosario setiap hari, memohon syafaat Bonda Maria untuk negara kita. Kita perlu berpuasa untuk niat ini.

2 OLEH PENYERTAAN DAN PENGLIBATAN KITA - sebagai ahli parti politik kita. Menjadi sukarelawan sebagai ejen pengundian dan menyumbang ke arah pilihan raya yang bersih. Berikan sumbangan makanan dan air untuk para sukarelawan untuk menunjukkan penghargaan anda. Dengarkan banyak ceramah di media sosial daripada pelbagai pihak. Tulis komen anda, sahkan apa yang baik, kenalpasti pembohongan dan tegur mereka yang bercakap buruk tentang 3R (perkauman, agama dan institusi raja). Tetapi sentiasa hormat dan berbudi bahasa !! Pergi dengan beberapa rakan dan hadiri ceramah secara fizikal. Galakkan paroki kita (melalui saluran yang betul) untuk mengadakan "sesi bertemu calon." Pastikan semua dijemput sama ada pada masa yang sama atau pada masa yang berbeza dan umumkan info ini agar tidak dituduh menyokong satu parti sahaja. Kenali calon kita dan nilai mereka. Ketahuilah bahawa kita melakukan ini sebagai individu yang menjalani pembaptisan kita dalam Kristus, sebagai Paderi, Nabi dan Raja. Bercakap tentang perkara ini dalam KED, paroki dan kumpulan sembang kita.

Gereja menggalakkan anak-anak perempuan dan lelaki untuk terlibat dalam kehidupan negara dan ini adalah masa yang terbaik. Ketahuilah bahawa **PADA WAKTU PILIHAN RAYA GEREJA TIDAK MENYOKONG ATAU MENGESAHKAN MANA-MANA PARTI POLITIK ATAU CALON.** ✚

Disediakan oleh:
Peninsular Malaysia
Pastoral Team

Disunting oleh:
Fr Eugene
Director API

Emel: api@archkl.org

EDARAN DALAMAN SAHAJA
BUL 32/2023

5 & 6 OGOS 2023

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Biasa ke-18
PENAMPAKKAN KEMULIAAN TUHAN

G A R A M D A N T E R A N G D U N I A :
PERSEKUTUAN (INKLUSIF), PENYERTAAN (KREATIF), MISI (PEMBINAAN JAMBATAN)

FOKUS BULANAN:

PERJALANAN PEMBAHARUAN

ACARA BULANAN:

AGGIORNAMENTO (1976)

Peristiwa 1976 adalah bulan apabila semua Uskup dan Paderi Semenanjung berada di Pulau Pinang selama sebulan menjalani Pembaharuan yang dipanggil "AGGIORNAMENTO." Umat awam di semua paroki telah bersedia untuk "bulan tanpa paderi" ini untuk menjalankan Upacara Komuni pada Hari Minggu dan menyediakan pelayanan lain apabila diperlukan. Hasil daripada ini telah dinyatakan sebagai keutamaan pastoral untuk gereja di Semenanjung Malaysia. Ia telah dibangunkan melalui rancangan dan strategi pastoral setiap 10 tahun melalui Konvensyen Pastoral Semenanjung Malaysia (PMPC).

Di antara banyak anugerah menyaksikan identiti kita dalam pembinaan Komuniti Eklastias Mewartakan dan Berdialog dengan kaum miskin.

pengalaman itu, adalah untuk Persekutuan Tritunggal, melalui Dasar (KED) dan untuk dengan budaya, agama dan

